

## **Pakatan Harapan sambung BR1M jika menang PRU14**

**SINAR HARIAN**

**2 MEI 2018**

**WARTAWAN SINAR HARIAN**

JOHOR BAHRU - Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng hari ini mendedahkan Pakatan Harapan (Harapan) akan meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sekiranya berjaya menawan Putrajaya selepas PRU14 pada 9 Mei ini.

Ini sekali gus bertentangan dengan prinsip Harapan yang sebelum ini mendakwa BR1M yang diberikan oleh kerajaan adalah rasuah.

Guan Eng, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata pemberian BR1M tetap akan diteruskan jika pakatan pembangkang menang PRU14.

"Najib (Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak) naikkan BR1M kepada RM2,000...dia ingat kita (pembangkang) tak berani ikut?... saya nak beritahu Najib dan semua yang hadir, kita akan ikut...kita akan bayar BR1M kepada rakyat," katanya ketika berucap pada majlis bersama penduduk Plentong, hari ini.

**© 2018 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/pakatan-harapan-sambung-br1m-jika-menang-pru14-1.829669>